

31 MAY 2002

Mahathir-Ucapan

DR MAHATHIR AJAK RAKYAT PELIHARA SIFAT MENGHORMATI HAK KAUM LAIN

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengajak rakyat terus memelihara sifat memahami dan menghormati hak kaum lain bagi meningkatkan lagi semangat toleransi antara satu sama lain.

Perdana Menteri berkata dengan mengekalkan sifat seperti itu, negara akan terus berada dalam keadaan aman dan seluruh rakyat dapat hidup dengan selesa dan selamat.

"Negara juga dapat diuruskan oleh kerajaan dengan baik dan cekap, dan banyak program pembangunan dan kemajuan untuk faedah rakyat jelata dapat dilaksanakan dengan berkesan," katanya dalam perutusan Hari Gawai 2002 yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri hari ini.

Beliau berkata negara ini maju dan makmur serta dihormati dan disegani dunia atas kejayaan kerajaan membangunkan rakyat dan negara dengan cekap dan berwawasan.

"Sebagai sebuah negara yang penduduknya berbilang kaum, kita tidak mampu untuk berpecah belah kerana kekuatan rakyat dan negara kita adalah bergantung kepada setiap individu rakyat kita," katanya.

Dr Mahathir berkata sempena menyambut Hari Gawai mulai esok selama dua hari, rakyat hendaklah mengambil peluang ini menziarahi rakan-rakan yang mengadakan rumah terbuka bagi meningkatkan lagi rasa persefahaman dan tali silaturrahim.

Katanya Hari Gawai yang disambut kaum Dayak sebagai menandakan permulaan rasmi musim menuai, kini diiktiraf kerajaan negeri Sarawak sebagai satu daripada perayaan suku kaum yang rasmi.

"Perayaan-perayaan seperti ini jelas menunjukkan rakyat berbilang kaum mempunyai tempat di negara kita walaupun jumlah mereka kecil atau mereka merupakan golongan minoriti," katanya.

Perdana Menteri berkata setiap kaum mempunyai suara yang sama banyak dengan kaum lain, hak dan nasib mereka juga dilindungi sama sahaja dengan hak golongan majoriti.

Sementara itu, Dr Mahathir dan isteri juga mengucapkan selamat menyambut Pesta Keamatan atau Pesta Menuai kepada semua penduduk negeri Sabah yang menyambutnya hari ini.

Dalam perutusannya, Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia harus bersyukur kerana dapat hidup aman damai dan harmoni antara satu sama lain dalam satu negara serta bebas menganut agama dan mengamal adat resam tanpa apa-apa sekatan.

Katanya Malaysia bertuah kerana komposisi rakyatnya yang berbilang kaum, agama dan adat resam telah memperkayakan negara dengan budaya yang pelbagai.

"Ini dapat membantu melahirkan rakyat yang bersifat toleran dan menghormati antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata di Malaysia, perayaan setiap kaum termasuk kaum minoriti diberi pengiktirafan melalui pelbagai cara termasuk cuti umum bagi mempermudah sesuatu kaum itu merayakan perayaan mereka.

"Hari ini mungkin rasa syukur ini juga boleh dilahirkan bagi memperingati akan nasib kita sebagai rakyat Malaysia yang sungguh bertuah, yang bebas di dalam sebuah negara merdeka dan berdaulat," katanya.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata rakyat perlu bertekad dan berazam untuk sentiasa memainkan peranan sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dengan mengekalkan keharmonian dan perpaduan antara satu sama lain.

"Jauhi sikap prejudis terhadap mana-mana kaum kerana ia tidak akan

membantu di dalam usaha mensejahterakan hubungan antara kita," katanya.

-- BERNAMA

NJ ZS RON